

Kepekatan Purata Setengah Jam dan Purata Harian Zarah Terampai Bagi Bandar-Bandar Utama di Malaysia

Jabatan Meteorologi Malaysia Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Tarikh: 26 September 2023 (Selasa)

Zarah terampai PM_{2.5} merupakan sebahagian daripada Jumlah Zarah Terampai (TSP) dengan diameter aerodinamik kurang atau sama dengan 2.5 mikrometer. Zarah-zarah disukat dalam udara ambien dengan menggunakan peralatan Tapered Element Oscillating Microbalance (TEOM). Pencerapan ini dijalankan di tiga stesen pemantauan komposisi atmosfera di bawah Jabatan Meteorologi Malaysia iaitu di Petaling Jaya, Cameron Highlands dan Lembah Danum (Sabah).

